LEMBARAN KERJA 11

NAMA : _____ Tarikh : _____

Selesaikan masalah yang berikut.

1. Harga sebuah buku cerita ialah RM29.75. Huda ingin membeli 8 buah buku cerita yang sama untuk dihadiahkan kepada rakan-rakannya. Berapakah jumlah wang yang perlu dibayar oleh Huda?

   Ayat matematik: [ ] [ ] [ ] = [ ]

2. Muhaimin menyimpan RM25 sehari daripada gajinya. Berapakah jumlah simpanannya dalam masa 100 hari?

   Ayat matematik: [ ] [ ] [ ] = [ ]

3. Khalesya ada RM726.30 manakala Batrisyia ada RM903.60. Hitung beza wang Khalesya dengan Batrisyia.

   Ayat matematik: [ ] [ ] [ ] = [ ]

4. Darwisy ingin membeli sebuah basikal yang berharga RM1 000. Dia mempunyai wang sebanyak RM375.90. Berapakah jumlah wang yang tidak mencukupi?

   Ayat matematik: [ ] [ ] [ ] = [ ]

5. Dhia dan empat orang rakannya telah memenangi sejumlah wang sebanyak RM4 000 dalam satu pertandingan berkumpulan. Dia berkongsi wang kemenangan itu sama banyak dengan empat orang rakannya. Kira wang yang akan Dhia dapat.

   Ayat matematik: [ ] [ ] [ ] = [ ]

LIVEWORKSHEETS

6. Seorang peniaga mendapat keuntungan sebanyak RM5.45 bagi setiap helai baju kemeja-T yang terjual. Hitung jumlah keuntungan peniaga itu sekiranya dia berjaya menjual baju kemeja-T sebanyak 1 000 helai.

Ayat matematik: [ ] [ ] [ ] = [ ]

7. Iman telah membelanjakan sebanyak RM3 485 untuk membeli sebuah mesin basuh yang berharga RM1 879 dan sebuah peti sejuk. Kira harga bagi sebuah peti sejuk itu.

Ayat matematik: [ ] [ ] [ ] = [ ]

8. Sebuah syarikat perabot menjual perabot Set A yang berharga RM4 059 dan Set B yang berharga RM6 200. Cari perbezaan harga antara perabot Set A dan Set B.

Ayat matematik: [ ] [ ] [ ] = [ ]

9. Iman mendapat upah sebanyak RM826 bagi tempoh seminggu dia bekerja tanpa cuti. Upah yang diterima adalah sama bagi setiap hari. Hitung upah yang Iman terima bagi tempoh sehari.

Ayat matematik: [ ] [ ] [ ] = [ ]

10. Jadual menunjukkan hasil jualan seorang peniaga bagi tempoh dua hari.

HARI	HASIL JUALAN
Sabtu	RM357.50
Ahad	lebih RM249.70 daripada hari Sabtu

Cari jumlah hasil jualan peniaga itu bagi tempoh dua hari tersebut.

Ayat matematik:

[ ] [ ] [ ] [ ] [ ] = [ ]

LIVEWORKSHEETS